


PRESTASI LOJI PENJANAAN TENAGA ELEKTRIK MENGGUNAKAN TENAGA BOLEH BAHARU (RENEWABLE ENERGY - RE)BAGI SUKU TAHUN KEDUA TAHUN 2012

1) Loji Janakuasa RE Utama Yang Telah Dilesenkan Sehingga Suku Tahun Kedua (Q2) 2012


Pada suku tahun kedua terdapat pertambahan sebanyak 3 lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 23 lesen . Lesen baru yang dikeluarkan adalah bagi aktiviti penjaanan elektrik menggunakan sumber tenaga boleh baharu biogas dan solar PV. Lesen awam penjaanan RE telah diberikan kepada Jana Landfill Sdn Bhd bagi projek menggunakan biogas di Jeram, dan kepada Cypark Suria (Negeri Sembilan) Sdn Bhd serta Cypark Suria (Pajam) Sdn Bhd yang mana kedua-duanya bagi projek solar PV.



2) Jumlah Tenaga Elektrik Dijana pada Suku Tahun Kedua (Q2) 2012

	Jumlah Tenaga Elektrik Dijana (MWj)		Jumlah Tenaga Elektrik Dijual (MWj)	
	Semenanjung	Sabah	Semenanjung	Sabah
Loji Penjanaan Biomas	6,361.25	49,012.80	3,886.82	40,018.60
Loji Penjanaan Mini Hidro	12,015.37	5,781.26	11,888.01	5,781.26
Loji Penjanaan Biogas	6,282.46	-	5,882.25	-
Loji Penjanaan Solar PV	455.34	-	45.62	-
JUMLAH	25,114.43	54,794.06	21,702.70	45,799.86

Penjanaan elektrik menggunakan RE di Sabah adalah lebih tinggi berbanding di Semenanjung. Di Sabah, penjanaan menggunakan bahan api Biomas merupakan paling tinggi berbanding sumber RE yang lain. Malah penjanaan daripada tiga loji janakuasa ini merupakan penyumbang utama bekalan elektrik ke grid Sabah. Di Semenanjung penjanaan daripada Solar PV lebih banyak dijana untuk kegunaan sendiri berbanding penjualan ke grid. Ini adalah kerana konsep net metering yang digunakan yang mana penjanaan elektrik yang dijana melalui sistem Solar PV akan hanya disuap ke grid sekiranya bekalan tersebut tidak diperlukan pada tapak tersebut pada masa itu.




3) Jumlah Penggunaan Bahan Api - Biomas Bagi Penjanaan Tenaga Elektrik

	Kapasiti Dilesenkan (MW)	Jumlah Penggunaan Bahan Api - Biomass (MT)
Loji Biomas-1	6.50	8,160.00
Loji Biomas-2	8.90	19,800.00
Loji Biomas-3	11.50	24,092.90
Loji Biomas-4	11.50	39,051.76
Loji Biomas-5	13.00	8,722.00
Loji Biomas-6	14.00	60,711.12
JUMLAH		160,537.78

Prestasi loji janakuasa 3 & 4 telah kembali meningkat setelah menghadapi masalah teknikal pada Q1. Peningkatan dalam penggunaan bahan api sebanyak 90% oleh Loji Biomas-3 yang sebelum ini tidak beroperasi pada Q1.

Loji Biomas-3,4 & 6 merupakan loji janakuasa RE utama di Sabah yang turut menyumbang bekalan elektrik ke Grid Sabah. Berdasarkan maklumat MPOB, Sabah mempunyai keluasan tanaman minyak sawit terbesar di Malaysia, 1.43 juta hektar iaitu 28.6% daripada jumlah keluasan negeri tersebut. Dengan kemudahan bekalan bahan api biomas menjadikan ianya sebagai bahan api utama dalam penjanaan elektrik di Sabah.



4) Jumlah Lesen Provisional Yang Telah Dikeluarkan Oleh Suruhanjaya Pada Suku Tahun Kedua (Q2) 2012

Jenis Bahan Api	Bilangan Lesen	Jumlah Kapasiti
Mini Hidro	4	32.250
Biomias	1	4.000
Biogas	2	3.000
Solar PV - Individu	2	1.450
Solar PV - Bukan-Individu	20	33.620
JUMLAH	29	74.320

Dengan pengenalan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 dan Tarif Galakan (*Feed-in Tariff*) pada April 2011, Suruhanjaya telah memberikan komitmen dengan turut sama menyokong perlaksanaannya dengan memperkenalkan *Provisional Licence* . Lesen ini dikeluarkan untuk membantu pemegang Kelulusan Tarif Galakan atau dikenali sebagai *Feed-In Approval Holder (FIAH)* mendapatkan pembiayaan projek daripada institusi kewangan. Lesen ini dikeluarkan hanya untuk tempoh sementara sebelum mulatugas loji dan perlu diganti dengan lesen awam apabila loji mula beroperasi.

Berdasarkan rekod Suruhanjaya, pada suku tahun kedua 2012, sejumlah 29 *Provisional Licence* telah dikeluarkan kepada yang layak. Daripada jumlah tersebut, dijangkakan 14 pemegang lesen akan mula tugas pada tahun ini iaitu sebanyak 22.7 MW .

